

# Mahathir cabar DAP gunakan isu radar

Oleh Othman Mamat

LANGKAWI, Khamis – Perdana Menteri menca- bar DAP menjadikan peristiwa kebakaran bilik radar di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) minggu lalu sebagai isu pilihan raya untuk menentukan siapa yang lebih mendapat sokongan rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga membidas DAP kerana sering mengambil kesempatan daripada kejadian tertentu untuk mendesak menteri yang berkaitan meletak jawatan.

“DAP punya petisyen ini selalu ada... bila ada terdesak sedikit, dia pergi minta tandatangan orang dan dia ada orang tertentu yang selalu tanda tangan petisyen itu,” katanya sambil memper- tikaikan usaha parti pem- bangkang itu.

Beliau berkata demi- kian kepada pemberita di sini hari ini ketika mengulas petisyen DAP bagi mendesak Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, me- letak jawatan berikutan peristiwa kebakaran itu.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan Asean di sini.

Kebakaran bilik kawalan trafik udara di LTAB turut memusnahkan radar berharga RM16.5 juta dan mendapat perhatian umum berikutan kegagalan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengumumkan fakta

kejadian itu.

Mengenai kedudukan Dr Ling, Perdana Menteri berkata, adalah mustahil bagi menteri berkenaan menguasai semua keadaan sebaliknya beliau terpaksa bergantung kepada maklum balas daripada pegawai tertentu.

Ditanya mengenai pertukaran Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Datuk Zaludin Sulong, Perdana Menteri berkata, tindakan itu tidak membabitkan sebarang reformasi di jabatan berkenaan.

Sebaliknya, kata beliau, ia adalah pertukaran biasa seperti yang lazim dilakukan di jabatan kerajaan.

“Kita tidak ada reformasi cuma dia (Zaludin) menerima notis untuk bertukar,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat itu.

Laporan akhbar hari ini memetik sumber sebagai berkata, Zaludin menerima faksimili daripada JPA yang mengumumkannya pertukarannya ke jabatan berkenaan berkuatkuasa hari ini tanpa mengumumkan jawatan barunya.

Keputusan pertukaran itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir juga berkata, kebolehan dari segi teknikal tidak penting bagi seseorang ketua ja-

batan tetapi yang penting ialah menunjukkan minat yang mendalam untuk mengurus dengan baik.

Menurut Perdana Menteri, seseorang ketua jabatan tidak semestinya berkebolehan dalam perkara teknik, teknologi dan sebagainya kerana tugas mereka berkaitan dengan pengurusan.

“Kadang-kadang kita boleh ada profesional... kadang-kadang orang yang bukan profesional pun yang mempunyai sedikit pengetahuan berkenaan masalah penerbangan boleh menjadi pengu- rus,” katanya.

Dr Mahathir berkata, pengajaran paling besar berikutan kebakaran bilik kawalan trafik udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) ialah kakitangan DCA harus cekap dalam bidang penyelenggaraan.

Kebakaran kali ketiga dalam tempoh dua tahun itu turut memusnahkan radar berharga RM16.5 juta.

Beliau berkata, masalah penyelenggaraan amat penting walaupun dalam kebakaran itu, penyelenggaraan masih di bawah pengawasan syarikat pemborong dan belum diserahkan kepada DCA.

Dr Mahathir juga meminta kakitangan awam bercakap benar dan tidak menyembunyikan perkara sebenar seperti yang berlaku ketika kebakaran itu.